

PM ucap takziah kepada keluarga mendiang Sri Ram


BH- 30/11/2023 ml: 8

Kuala Lumpur: Bekas hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, 79, meninggal dunia di sebuah hospital swasta di sini, jam 12.15 tengah hari semalam.

Mendiang yang juga Timbalan Pendakwa Raya Kanan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membabitkan Datuk Seri Najib Razak, dikatakan dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) hospital berkenaan minggu lalu bagi menerima rawatan, dipercayai akibat jangkitan paru-paru.

Pada 23 November tahun lalu, ketika prosiding kes rasuah dan perubahan wang haram

Gopal
Sri Ram



yang berjumlah RM2.3 bilion dan 1MDB, pasukan pendakwaan memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa pemeriksaan utama membabitkan saksi utama kes akan dikendalikan oleh Sri Ram.

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan, berita kematian Sri Ram disahkan Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Mustafa P Kunyalam.

“Ya, benar. Beliau disahkan meninggal dunia pada jam 12.15 tengah hari tadi di sebuah hospital swasta di sini,” katanya ketika dihubungi.

Mendiang juga adalah pendakwa raya utama bagi perbicaraan rasuah isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor yang membabitkan projek hibrid solar bagi 369 sekolah luar bandar di Sarawak dan kes perubahan wang haram.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merakamkan ucapan takziah kepada keluarga atas pemergian mendiang.

“Semoga urusan keluarga dipermudah dan keluarga kuat serta cecal berdepan khabar duka ini,” katanya menerusi ciapan di Twitter.